

# KEMANTAPAN TILAWAH ASAS KOMPETENSI IMAM: KAJIAN IMAM-IMAM MASJID DAERAH MELAKA TENGAH

**Ikmal Zaidi bin Hashim**  
Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS  
[ikmalzaidi@kuis.edu.my](mailto:ikmalzaidi@kuis.edu.my)

**Ikhtiaruddin bin Mohd Yasim**  
Sekolah Menengah Agama Haji Mohd Yatim  
Kota, Negeri Sembilan

**Muhamad Khairul Naim bin Mat Hussain**  
Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS

## ABSTRAK

*Profesion imam di Malaysia khususnya di masjid-masjid kariah, daerah dan negeri serta masjid-masjid utama di Malaysia menuntut kompetensi dan integriti yang optimum. Imam bukan sahaja pemimpin dalam solat tetapi ketua pegawai eksekutif dalam pentadbiran dan pengurusan masjid. Namun apa yang dibimbangi ialah pemberatan terhadap tilawah Al-Quran para imam yang diabaikan sedangkan ia berkait rapat dengan tanggungjawab asasi mereka sebagai imam solat. Kepimpinan mereka dalam solat mula dipertikaikan oleh para makmum yang mutakhir ini semakin ramai yang berilmu dan berkemahiran dalam bacaan Al-Quran dan ilmu Tajwid. Kertas ini membincangkan secara induktif dan deskriptif tentang ciri-ciri kemantapan tilawah Al-Quran yang sewajarnya dimiliki oleh para imam berdasarkan kajian terhadap beberapa buah masjid kariah di daerah Melaka Tengah, Melaka. Data-data kualitatif diperolehi melalui temubual berstruktur dengan para imam dan temubual tidak berstruktur dengan para jemaah masjid-masjid yang terlibat selain daripada dokumentasi dan rakaman. Setelah dianalisis didapati bahawa masih terdapat para imam yang melakukan kesalahan-kesalahan tajwid yang asas walau pun tidak membawa kepada pembatalan solat seperti kesalahan kesalahan Mad dan Qasr, Nūn Mīm Bersabdu, Mad 'Āriḍ lil al-Sukūn, Makhraj Huruf dan Qalqalah.*

**Kata kunci:** *Tilawah, Kompetensi Imam, Masjid Kariah*

## 1.0 Pendahuluan

Seorang imam merupakan pemimpin dalam solat. Kepemimpinan seseorang imam bergantung kepada sejauh mana ia berjaya melaksanakan tanggung jawabnya dalam menyempurnakan setiap rukun dan syarat sepanjang solat yang dikerjakan secara berjemaah di surau dan masjid. Imam yang mempunyai kompetensi sewajarnya mampu mempersembahkan tilawah Al-Quran dengan *faṣīh* dan selayaknya sebagai seorang imam. Tilawah yang membuktikan penguasaan ilmu Tajwid secara teori dan praktikal, yang menunjukkan sebutan huruf dan baris menepati *makharij al-Hurūf* dan sifat-sifatnya di samping tilawah yang berirama, tenang dan menenangkan hati makmum di belakangnya.

## 2.0 Kompetensi yang Menentukan Kelayakan Seorang Imam

Imam Hanbalī dan Imam Hanafī berbeza pandangan dalam meletakkan keutamaan seseorang menjadi imam. Kedua-duanya meletakkan bahawa kelayakan utama bagi seorang imam ialah yang mempunyai hafalan al-Quran yang paling banyak. Antara hujah mereka adalah :

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "إِذَا كَانُوا ثَلَاثَةً فَلْيُؤَمِّمَهُمْ أَحَدُهُمْ ، وَأَحَقُّهُمْ بِالْإِمَامَةِ أَقْرَبُهُمْ"<sup>1</sup>

Maksudnya:

"Daripada Abi Sa'īd berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda : Sekiranya kamu berjumlah tiga orang (dan mahu mengerjakan solat berjemaah) maka hendaklah di antara kamu yang paling banyak hafalannya menjadi imam"

Hujah yang kedua juga bersandarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w:

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : يَوْمَ الْقَوْمِ أَقْرَبُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً ، فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ ، فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً ، فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً ، فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا ، وَلَا يُؤَمِّنُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ ، وَلَا يَقْعُدُ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ<sup>2</sup>

Maksudnya :

"Daripada Abī Mas'ūd Al-Anṣārī telah berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda : Yang menjadi imam bagi sesuatu kaum itu didahulukan mereka yang banyak mengingati al-Quran dan paling baik bacaannya. Maka jika dalam kalangan mereka itu (para imam) bersamaan pada mengingati al-Quran, dipilih siapakah yang terlebih dahulu hijrah (syarat ini telah tiada pada zaman ini hanya ada pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Maka jika bersamaan juga, didahulukan mereka yang lebih tua atau dewasa dan janganlah seseorang menjadi imam tanpa kebenaran imam yang berkuasa di tempatnya dan jangan seseorang itu duduk di satu tempat duduk kecuali yang telah dikhaskan bagi dirinya sahaja (melainkan dengan izin)."

Hujah yang ketiga pula adalah sabda Rasulullah s.a.w:

"صَلُّوا صَلَاةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا، وَصَلُّوا صَلَاةَ كَذَا فِي حِينِ كَذَا، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ فَلْيُؤَذِّنْ أَحَدُكُمْ، وَلْيُؤَمِّمَكُمْ أَكْثَرُكُمْ قُرْآنًا"<sup>3</sup>

Maksudnya:

"Solatlah kamu pada keadaan demikian, solatlah kamu pada keadaan demikian, Sekiranya telah datang waktu solat, maka hendaklah salah seorang daripada kamu mengalunkan azan dan hendaklah salah seorang daripada kamu yang paling banyak hafalan al-Qurannya untuk menjadi imam"

Manakala Imam Syāfi'ī dan Imam Māliki menegaskan pandangan mereka bahawa orang yang lebih *faqih* adalah diberi keutamaan menjadi imam berbanding mempunyai hafalan Al-Quran yang banyak. Antara hujah mereka ialah:

<sup>1</sup> Abū 'Abd al-Rahmān Ahmad bin 'Alī, *Sunan an-Nasā'ī*, Bab *al-Jamā'ah*, No. Hadis 840.

<sup>2</sup> Al-Imām Abū al-Husain Muslim bin al-Ḥajjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bab *Aḥaqqu Bi al-Imāmah*, No. Hadis 1084.

<sup>3</sup> Ṣaḥīb bin 'Abd al-Jabār. *al-Musnad al-Maudū'ī al-Jāmi' lil-Kitāb al-'Asyarah*. Bab *al-Aula bil-Imāmah fī al-Ṣolāḥ*. No. Hadis 2.

- i. Kebiasaannya orang yang menggantikan imam dalam solat mestilah mengetahui selok belok tentangnya iaitu orang yang *faqih* ilmunya. Justeru itu, orang yang *faqih* lebih utama terutama para imam besar dan ulama’.
- ii. Ulama’ telah menjawab dengan hadis sebelum ini bahawa orang yang paling banyak hafalan al-Quran ketika zaman sahabat adalah orang yang paling *faqih*. Seorang sahabat Abdullah Ibnū Mas’ūd mengatakan “Kami tidak menghafal lebih daripada sepuluh ayat al-Quran, melainkan kami benar-benar memahami hukumnya yang ada pada ayat tersebut dan mengamalkannya”. Bagaimanapun, Imam Hanafi dan Imam Hanbali menolak hujah di atas ini dengan membawa dalil daripada Rasulullah s.a.w. Hujah ini menunjukkan bahawa perlu mendahulukan orang yang lebih mahir dalam al-Quran secara mutlak daripada orang yang lebih mengetahui ajaran *sunnah*. Pada zaman Rasulullah s.a.w. juga, ramai para sahabat pandai membaca al-Quran dan turut *faqih* dalam ilmu pengetahuan. Antaranya ialah Saidina Abū Bakar, Zaīd bin Tsābit, Ubāi bin Ka’ab dan Muaz r.a. (Ibn Qasim, 2008:297)

Sabda Rasulullah s.a.w:

فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ<sup>4</sup>

Maksudnya:

“Jika dalam al-Quran kemampuannya sama, maka pilihlah orang yang mengetahui tentang ajaran *sunnah*”.

- iii. Ketika di zaman Rasulullah s.a.w. baginda pernah melantik Saidina Abū Bakar r.a. menjadi imam bagi para sahabat untuk menggantikannya ketika sakit, namun begitu Saidina Abū Bakar r.a. bukanlah seorang sahabat yang mempunyai hafalan al-Quran yang banyak. Bagaimanapun hujah ini disangkal ulama’ lain, dengan mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. memilih Saidina Abū Bakar r.a. untuk menggantikannya imam adalah sebagai satu isyarat menjadi khalifah selepas baginda. Hal ini kerana apabila menjadi khalifah dianggap paling utama dan layak menjadi imam biarpun ada orang yang lebih banyak hafalannya.

Menurut Ibn Hajar (2001:171), pendapat yang boleh dianggap *rājih* ataupun kuat adalah dengan mendahulukan seseorang yang mempunyai banyak hafalan al-Quran menjadi imam berbanding orang yang *faqih*. Tetapi ia mestilah bersyarat iaitu seseorang yang banyak hafalannya perlu mengetahui tentang hukum-hukum dalam dan di luar solat. Namun demikian, jika seseorang itu hanya memiliki hafalan yang banyak sahaja, maka ia tidaklah berada dalam keutamaan untuk menjadi imam mengikut sepakat para ulama.

Dr. Wahbah Az-Zuhailī (2010:169) meletakkan keutamaan menjadi imam adalah orang yang tinggi pengetahuannya tentang ilmu *fiqh* terutama berkaitan hal ehwal solat dan ia juga merupakan pandangan ulama’ *fuqaha’*.

### 3.0 Analisis Kualiti Bacaan Al-Quran Imam Masjid Kariah

Penulis membentangkan dapatan daripada kajian serta tinjauan yang telah dilakukan beserta menjelaskan metodologi yang telah digunakan dalam mendapatkan data, kaedah persampelan dan analisis yang dilaksanakan.

<sup>4</sup> Al-Imām Abū al-Husain Muslim bin al-Ḥajjaj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Bab *Aḥaqqu Bi al-Imāmah*, No. Hadis 1084.

### **3.1 Subjek Serta Skop Kajian**

Terdapat 44 buah masjid di daerah Melaka Tengah yang mewakili 5 mukim. Dalam kajian ini penulis menskopkan kepada 13 buah masjid iaitu 30% dari jumlah keseluruhan masjid di daerah Melaka Tengah. Bagi masjid yang terpilih penulis mendapatkan beberapa orang jemaah sebagai sampel kajian. Maklumat yang mahu penulis dapatkan dari sampel adalah kualiti bacaan imam masjid kariah.

#### **3.1.1 Masjid**

Penulis telah memilih 13 buah masjid daripada 44 buah masjid kariah yang terdapat di daerah Melaka Tengah.

##### **Masjid Bukit Durian**

Masjid ini dibina pada tahun 1919 dan dibaharukan pada tahun 1950 daripada derma orang ramai dan kerajaan. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj. Dahlan Bin Hj. Suramin.

##### **Masjid Ayer Molek**

Dalam Tahun 1895 masjid ini dibina dengan derma orang ramai dan bergotong-royong. Dibaharukan masjid ini dalam tahun 1950 dengan derma orang ramai. Imam 1 masjid ini ialah Encik Rostami Bin Abū Bakar.

##### **Masjid Kandang**

Masjid ini dibina dalam tahun 1915 dan diperbaharui dalam tahun 1966 daripada derma orang ramai. Masjid ini dibina dalam kawasan kampung kandang. Masjid ini dibina untuk memudahkan para penduduk untuk menunaikan solat berjemaah dan menganjurkan aktiviti keagamaan. Imam 1 masjid ini ialah Tuan. Hj. Mohd Amin Bin Simoh.

##### **Masjid Bukit Nibong**

Terletak di tengah-tengah persimpangan utama Kampung Bukit Nibong, Masjid Al-Ridhwan berdiri teguh hampir 70 tahun. Dibina kira-kira pada akhir 1940an, masjid ini dinamakan Al-Ridhwan yang bermaksud bersempena permuafakatan seluruh ahli kariah pada masa itu. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj. Samit Bin Hj Rikwan.

##### **Masjid Semabok**

Masjid ini dibina dalam tahun 1905 daripada derma orang ramai. Dalam tahun 1977 ianya diperbaharui lagi dengan belanjanya daripada derma orang ramai juga. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Md Damanhuri Hj Hussin.

##### **Masjid Duyong**

Masjid ini mula dibina pada tahun 1850 dengan derma orang ramai dan pada tahun 1967 masjid ini dibaharui dengan bantuan kerajaan dan derma orang ramai. Imam 1 masjid ini ialah Hj Abū Adam B. Awal.

##### **Masjid Permatang Duyong**

Masjid ini mula dibina pada tahun 1850 dengan derma orang ramai dan pada tahun 1967 masjid ini diperbaharui dengan bantuan kerajaan dan derma orang ramai. Imam 1 masjid ini ialah En Ismail B. Zakaria.

### Masjid Alai

Masjid ini dibina dalam tahun 1890 dengan derma orang ramai dan bergotong-royong. Dalam tahun 1925, masjid ini dibaharui dengan derma orang ramai juga. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Ahmat Bin Hj Dalib.

### Masjid Bukit Pegoh

Masjid ini mula dibina pada tahun 1940 kemudian dibina semula dalam tahun 1972 daripada bantuan kerajaan. Imam 1 masjid ini ialah Nur Muhdiyoto Bin Mohd Rumi.

### Masjid Permatang Pasir

Masjid ini dibina dalam tahun 1927 kemudian dibina semula dalam tahun 1965 dengan bantuan kerajaan. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Amzah B. Hj Tawil.

### Masjid Pernu

Masjid ini mula-mula dibina pada tahun 1880 dengan derma orang ramai. Dalam tahun 1960 masjid ini diperbaharui dengan derma orang ramai dan bantuan kerajaan. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Mohd Yakub Bin Ahmad.

### Masjid Telok Mas

Masjid ini mula dibina pada tahun 1826 dengan derma orang ramai dan pada tahun 1989 masjid ini diperbaharui dengan bantuan kerajaan dan bantuan orang ramai. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Zaidan Bin Bahar.

### Masjid Bukit Baru

Masjid ini dibina pada tahun 1918 dan diperbaharui pada tahun 1976 dengan derma orang ramai dan kerajaan negeri. Imam 1 masjid ini ialah Tuan. Hj. Sabtu Bin Kinang.

### Masjid Bukit Beruang

Masjid ini dibina pada tahun 1908, kemudia dibina semula pada tahun 1961 dengan bantuan kerajaan dan derma orang ramai. Masjid ini telah dibina pada tahun 2001 di tapak yang lain. Imam 1 masjid ini ialah Tuan Hj Md Ali B. Ab Aziz.<sup>5</sup>

### **3.1.2 Jemaah Masjid**

Penulis memilih 14 orang responden dari 14 buah masjid yang dikaji sebagai sampel dalam instrumen temubual berstruktur. Pemilihan responden adalah melalui kaedah pemilihan rawak tanpa mengira faktor-faktor demografi.

### **3.2 Pengumpulan Data**

Penulis menggunakan tiga jenis instrumen bagi mendapatkan data iaitu analisis dokumen, temubual dan rakaman.

### **3.3 Analisis Dokumen**

Penulis menggunakan kaedah analisis dokumen bagi mendapatkan data mengenai kawasan-kawasan di daerah ini. Penulis mendapatkan dokumen ini daripada pihak bertanggungjawab iaitu di Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

---

<sup>5</sup> Bahagian Pengurusan Masjid. 2014. *Senarai Masjid-Masjid Kariah Negeri Melaka*. Melaka : Majlis Agama Islam Melaka.

### 3.4 Temubual

Penulis menggunakan metode temubual bagi mendapatkan maklumat secara lebih terperinci dan gambaran sebenar tentang kajian ini. Antara metode yang digunapakai adalah metode temubual berstruktur dan temubual tidak berstruktur. Temubual ini menggunakan soalan yang sama di setiap masjid bagi mendapatkan data yang sama dan boleh dibuat perbandingan. Temubual ini adalah mendapatkan data tentang kualiti bacaan imam masjid kariah.

### 3.5 Rakaman dan Pemerhatian

Penulis menggunakan rakaman suara untuk mendapatkan suara imam-imam masjid kariah. Rakaman ini adalah dengan keizinan pegawai masjid. Namun begitu, ada juga situasi rakaman dibuat dengan tanpa keizinan pihak masjid berikutan bimbang timbul isu birokrasi. Selain merakam, penulis turut membuat pemerhatian terhadap kualiti bacaan al-Quran imam masjid ketika bersolat mahupun sedang berwirid selepas solat.

### 4.0 Pembentangan Analisis Data Kajian

Dalam menganalisis data, penulis telah membahagikan kepada dua bahagian :

- i. Data yang diambil hasil dari temubual berstruktur akan dianalisis menggunakan *statistic numeral*.
- ii. Data yang diambil hasil dari temubual tidak berstruktur akan dianalisis menggunakan pendekatan induktif.

#### 4.1 Skor Penilaian

Penulis telah meletakkan skor penilaian terhadap responden dalam temubual berstruktur. Skor yang ditetapkan bagi penilaian ini adalah berdasarkan bacaan al-Quran imam masjid kariah. Skor penilaian ini merupakan set skor penilaian yang diadaptasi daripada kajian tesis sarjana Yusman Nasir bertajuk '*Penguasaan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan*'.<sup>6</sup> Markah skor dipecahkan kepada tiga peringkat iaitu :

- i. Baik : Boleh membaca dengan fasih, lancar dan berdasarkan hukum tajwid.
- ii. Sederhana : Boleh membaca dengan kefasihan dan kelancaran yang sederhana serta tidak mengikut hukum tajwid.
- iii. Lemah : Tidak fasih atau lancar membaca dan tidak mengikut hukum tajwid.

#### 4.2 Bentuk-Bentuk Kesalahan Yang Dilakukan

Penulis telah mengesan beberapa bentuk kesalahan yang dilakukan oleh para imam masjid kariah ketika sedang melakukan observasi berdasarkan pengalaman dalam bidang al-Quran. Antara kesalahan yang berjaya di kesan adalah berpandukan kepada kesalahan berbentuk *al-Lahn al-Jalī* dan *al-Lahn al-Khafī*.

#### Hukum Mad Aslī

Penguasaan hukum Mad *Aslī* boleh dikatakan berada dalam tahap yang rendah. Kadar panjang hukum *mad aslī* adalah sebanyak 2 harakat. Namun ada yang membaca sehingga mencecah 4 rakaat seperti sudah menyamai hukum *mad munfaṣil*. Contohnya pada kalimah (ذَلِكَ) :

ذَلِكَ الْكَتَبُ لَا رَبَّ فِيهِ هُدًى لِلْمُتَّقِينَ<sup>7</sup>

<sup>6</sup> Yusman Nasir. 2005. *Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur'an Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi Selangor*. Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>7</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:1

### Hukum Mad 'Āriḍ lil al-Sukūn

Kadar harakat ketika waqaf tidak sama dan tersusun. Jika kita mahu membaca hukum *mad 'āriḍ lil al-sukūn* dengan kadar 4 harakat, maka dalam bacaan harus dibaca sebanyak 4 harakat sahaja. Hukum ini mempunyai tiga bentuk bacaan iaitu 2 harakat, 4 harakat dan 6 harakat.

### Penukaran Huruf Dalam Bacaan

Penukaran huruf berlaku apabila ada imam yang masih tidak menguasai mahkraj huruf dengan sempurna dan perbezaan sebutan huruf. Sebagai contoh sebutan huruf zāy (ز) dan huruf dhāl (ذ) seakan bunyi yang sama, namun ia adalah berbeza. Contohnya pada kalimah (الذین) :

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧٧﴾

### Tidak Membaca Dengan Sabdu

Penguasaan dalam menyebut huruf *nūn* dan *mīm* bersabdu juga dilihat tidak diambil begitu serius. Hukum *nūn* dan *mīm* bersabdu adalah wajib didengungkan memadai dengan kadar dua harakat. Meninggalkan tanda sabdu dalam bacaan al-Quran dikategorikan sebagai kesalahan al-Lahn al-Jalī kerana kita tidak menunaikan hak terhadap huruf-huruf al-Quran. Contoh huruf nun bersabdu (إِنَّ) :

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٠﴾

## 5.0 Dapatan Kajian

Penulis akan menghuraikan tentang dapatan kajian yang diperolehi melalui instrumen temubual berstruktur.

### Mempelajari Ilmu Tajwid

Kajian dilakukan dari 14 buah masjid mendapati 14 orang responden pernah mempelajari tajwid. Perincian mengenai responden yang mempelajari ilmu tajwid adalah seperti jadual di bawah.

Jadual 5.1 Mempelajari Ilmu Tajwid

Bil	Kategori	Bilangan Responden	Peratus
1	Ya	14	100.0
2	Tidak	0	0.0

Jadual 5.1 menunjukkan jemaah masjid pernah mempelajari ilmu tajwid. Dapatan kajian menunjukkan 100% atau 14 responden kesemuanya pernah mempelajari ilmu tajwid.

### Skor Penilaian Bacaan Al-Quran Mengikut Kategori

Jadual 5.2 Penilaian bacaan al-Quran imam-imam masjid kariah daerah Melaka Tengah, Melaka mengikut kategori.

Bil	Kategori	Bilangan Responden	Peratus
1	Baik	11	78.5
2	Sederhana	3	21.4
3	Lemah	0	0

<sup>8</sup> Al-Quran, al-Baqarah 2:6

Jadual 5.2 di atas menunjukkan taburan kualiti bacaan al-Quran imam masjid kariah mengikut kategori. Didapati seramai 11 orang atau 78.5 peratus responden memberikan penilaian baik kepada imam masjid kariah. Manakala seramai 3 orang atau 21.4 peratus responden memberikan penilaian sederhana. Bagi kategori lemah pula, 0.0 peratus tiada sebarang penilaian daripada responden.

#### Skor Penilaian Kesalahan Tajwid Bacaan Imam Masjid Kariah

Jadual 5.3 Penilaian kesalahan tajwid bacaan imam-imam masjid kariah daerah Melaka Tengah, Melaka mengikut kategori.

Bil	Kesilapan Tajwid	Bilangan Responden	Peratus
1	<i>Mad dan Qasr</i>	12	85.7
2	<i>Nūn Mīm Bersabdu</i>	9	64.3
3	<i>Mad 'Āriḍ lil al-Sukūn</i>	5	35.7
4	<i>Makhraj Huruf</i>	8	57.1
5	<i>Qalqalah</i>	5	35.7

Jadual 5.3 di atas menunjukkan bentuk-bentuk kesalahan yang yang direkodkan hasil temubual berstruktur kepada jemaah-jemah masjid terhadap tajwid bacaan al-Quran imam masjid kariah. Peratusan tertinggi yang dicatatkan berdasarkan jadual adalah kesalahan *Mad* dan *Qasr* iaitu 85.7% atau 12 dari 14 responden. Selain itu, imam yang melakukan kesalahan *nūn mīm bersabdu* pula adalah 65.3% atau 9 dari 14 responden. Manakala kesalahan *makhraj* huruf sebanyak 57.1% atau 8 dari 14 responden. Bagi kesalahan *Mad 'Āriḍ lil al-Sukūn* dan *Qalqalah* sebanyak 35.7 atau 5 dari 14 responden keseluruhannya.

## 6.0 Kesimpulan

Aspek kualiti tilawah wajib ditekankan bagi seorang Imam. Imam boleh dianggap sebagai *role model* kepada masyarakat sama ada kanak-kanak mahupun golongan dewasa. Imam yang tidak berkemampuan terutamanya dalam aspek tilawah boleh menyebabkan wujudnya padangan serong terhadapnya.

Oleh kerana itulah hukum tajwid amat dipandang berat kerana ia juga turut melibatkan dalam hukum sah solat terutama dalam bacaan surah *al-Fatihah*. Bacaan surah *al-Fatihah* ini rukun maka sekiranya seseorang itu tidak membacanya dengan betul maka solatnya akan dikira batal.

Hasil kajian pula mendapati hukum *Mad* dan *Qasr* ini merupakan suatu bentuk kesalahan yang dilakukan hampir semua imam masjid kariah dalam bacaan al-Quran. Kesalahan seumpama ini mungkin tidak dapat dikesan oleh orang awam, namun bagi ahli ilmu kadar harakatnya boleh diketahui melalui perbandingan harakat iaitu 2,4 dan 6 kadar panjangnya. Maka, bagi mengatasi masalah ini, teknik *talaqi* dan *musyafahah* dapat membantu dalam meningkatkan kualiti bacaan secara bertajwid.

Dari sudut penilaian yang diberikan oleh pihak responden memperlihatkan bahawa imam masjid kariah dianggap berkemampuan. Pujian ini harus diberikan kepada para imam kerana membuktikan menunjukkan kewibawaan menjadi imam biarpun hampir majoriti penyandangannya adalah dari golongan tua.

Semasa sesi temubual bersama Pegawai Penyelaras Takmir JAIM, mereka memaklumkan sekiranya terdapat aduan daripada pihak kariah tentang salah laku imam termasuklah dari segi kualiti bacaannya, maka imam tersebut akan diminta untuk hadir memberikan keterangan. Tambahan lagi,

jika melibatkan masalah hukum tajwid, pihak JAIM akan mengadakan sesi kursus khas bagi mengatasi masalah tersebut. Pihak JAIM juga turut menyediakan khidmat fasilitator terhadap imam-imam yang mempunyai masalah dalam menguasai hukum tajwid. Namun begitu sekiranya masalah itu berlanjutan, pihak bertanggungjawab berhak menamatkan perkhidmatan imam tersebut berdasarkan enakmen yang telah ditetapkan.

## 7.0 Rujukan

Abd Rahman bin Abd Ghani. 2006. *Metodologi Bacaan al-Quran Tajwid Riwayat Hafsh*. Kuala Lumpur: Mashi Publications Sdn. Bhd.

Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī. 1986. *Fath Al-Bārī bi Syarḥ Ṣāḥīḥ Al-Bukhārī*. Jilid 5. Mesir: Dar al-Ryān lil Turath.

Bahagian Pengurusan Masjid. 2014. *Senarai Masjid-Masjid Kariah Negeri Melaka*. Melaka : Majlis Agama Islam Melaka.

Hāsīyah Ibnu Qāsim. 2008. *Alar Rauḍi al-Murbi'*. Jilid 2. Lubnan: Muassasah al- Risālah.

Muhammad 'Issām al-Qaḍhāh. 2003. *Al-Wāḍhiḥ fī Ahkām al-Tajwīd*. Jordan: Dar al-Nafais.

Mustafa al-Bughā. 1992. *Al-Fiqh al-Manhajī 'Ala Mazhab al-Imām al-Syāfi'ī*. Edisi 1. Damsyiq: Dar al-Qalam.

Wahbah Az-Zuhailī. 1985. *al-Fiqh Islam Wa Adillatuh*. Jilid 1. Cetakan 2. Syria: Dārul Fikir.

Yusman Nasir. 2005. *Penguasaan Kemahiran Membaca al-Qur'an Menerusi Sistem Qiraati di Taman Qiraati Kawasan Kajang dan Bandar Baru Bangi Selangor*. Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.